

MESYUARAT PEMBANGUNAN SUKAN PERSATUAN PING PONG TUDM 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4420-mesyuarat-pembangunan-sukan-persatuan-ping-pong-tudm-2019



KUALA LUMPUR, 24 Jan 19 - Mesyuarat Pembangunan Sukan Persatuan Ping Pong TUDM telah diadakan di Kompleks Lembaga Sukan TUDM (LSTUDM), PU Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Pengurus Persatuan Ping Pong TUDM, Lt Kol Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM dan dihadiri oleh semua pegawai ping pong/wakil dari setiap Pangkalan TUDM.

Mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan berkenaan hala tuju, penyelarasan semula pengurusan persatuan dan juga menyelaras koordinasi Kejohanan Ping Pong Antara Pangkalan TUDM dan Jemputan TUDM 2019 yang dirancangkan pada 4 hingga 8 Mac 2019 di Dewan Ababil, PU Subang.





Selepas mesyuarat tersebut, turut diadakan Majlis Serah Terima Tugas Pengurus Pasukan antara PW U I Wan Nor Rosman bin Wan Isahak dengan Sjn Nuril Anuar bin Wahab yang disaksikan oleh Lt Kol Wan Amir Zaki TUDM dan Setiausaha Persatuan iaitu Mej Kamisah Salimin TUDM serta semua barisan pemain utama.

Di akhir majlis tersebut, Pengerusi seterusnya menyeru supaya semua pemain TUDM termasuk pemain pelapis menjalani latihan yang berterusan sebagai usaha yang padu dan persiapan yang mantap dalam siri Kejohanan Ping Pong Antara Perkhidmatan ATM 2019 bagi mengekalkan kejuaraan yang telah dikehapi.